

# Belia dapat perhatian dalam keusahawanan

UB 1.5.2013 A15

KOTA KINABALU: Penglibatan belia dalam program keusahawanan abad ini sangat mendapat perhatian pelbagai pihak khususnya kerajaan dan institusi-institusi tempatan.

Selaras dengan itu, mahasiswa-mahasiswi Universiti Malaysia Sabah (UMS) sangat digalakkan menceburi ekspo Asas Pembudayaan Keusahawanan yang

berasaskan subjek wajib UMS. Hal ini kerana ia tidak hanya khusus kepada mahasiswa yang mengambil aliran ekonomi, tetapi juga kepada mereka dari aliran sastera dan sains.

Melalui ekspo yang diadakan dua kali setahun ini, mahasiswa-mahasiswi UMS dapat mengaplikasikan kefahaman dan teori yang telah diterapkan dalam subjek Asas Pembudayaan

Keusahawanan.

Berikutan itu, setelah kejayaan tujuh ekspo yang telah di adakan sebelum ini, Asas Pembudayaan Keusahawanan yang ke-8 pula bakal berlangsung bermula pada jam 8 pagi hingga 5 petang pada 2-9 Mei ini bertempat di perkarangan perpustakaan UMS yang akan datang.

Pada kali ini, ekspo itu membawa satu mesej yang

padat tetapi mendalam iaitu "Dream it, Do it" yang mana menurut pengarah program, Choong Xin Xiu, ia membawa maksud galakan kepada yang terfikir atau terancang.

Beliau berkata, pihak penganjur juga sangat mengalu-alukan orang awam untuk hadir bersama menjayakan ekspo itu. Dengan kehadiran orang awam akan menjadi satu

medium pemangkin semangat keusahawanan dalam kalangan belia dan masyarakat sendiri.

"Apa yang menariknya pada kali ini, ekspo itu bakal dianjurkan oleh gabungan mahasiswa tahun satu dan dua dari sekolah dan aliran yang berbeza. Hal ini bakal menggambarkan sikap toleransi antara mahasiswa dalam menjayakan ekspo pada kali ini.

"Terdapat lebih 180 gerai yang bakal dibuka. Disamping itu, aktiviti lain yang bakal diadakan selama tujuh hari ekspo itu adalah kempen derma darah, kitar semula (barang buangan) dan rumah hantu," katanya.

Seperti ekspo sebelum ini kata Choong, gerai-gerai jualan makanan, minuman dan barangan kreatif menjadi tarikan utama kerana semua jualan adalah hasil aspirasi dan

inovasi daripada mahasiswa UMS sendiri.

"Ekspo berkenaan juga bertujuan untuk mendedahkan mahasiswa kepada persekitaran perniagaan abad ke-21 serta meningkatkan kemahiran pengurusan dan perniagaan di samping meningkatkan kemahiran insaniah mahasiswa dalam berhadapan dengan risiko dan cabaran arus dunia masa kini," katanya.